TAJUK : REKOD TAK LENGKAP

21. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Abu yang gagal mengamalkan system catatan bergu.

		RM
1.1.2011	Modal	42 800
31.12.2011	Kenderaan	33 400
	Bank	7 600

Maklumat tambahan:
i)Abu telah membuat ambilan sebanyak RM500 sepanjang tahun tersebut.
Berapakah untung atau rugi bagi tahun berakhir 31 Dis 2011?

A Untung bersih RM2 300
B Untung bersih RM1 300
C Rugi bersih RM2 300
D Rugi bersih RM1 300 Spm12

22. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Rama

	RM
Modal 1.1.2012	42 600
Modal 31.12.2012	47 600
Ambilan	3 520

Apakah yang diperoleh Perniagaan Rama pada 31 Disember 2012?

A Rugi RM1 480
B Rugi RM8 520
C Untung RM1 148
D Untung RM8 520 Spm13

23. Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan pendapatan bagi perniagaan yang tidak mengamalkan system catatan bergu

I Kaedah analisis
II Kaedah perbandingan
III Kaedah penilaian semula
IV Kaedah Margin caruman

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV Spm13

24. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Runcit Chik, yang tidak mengamalkan system catatan bergu

	1.1.2012
Inventori	11 900
Perabot	3 200
Bank	4 100
Ak Belum bayar	8 600
Ak Belum Terima	1 700
Kadar bayaran belum bayar	110

Berapakah modal awal kedai tersebut?

A RM8 790
B RM12 190
C RM12 410
D RM29 610 Spm13

25. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Runcit Ria

	RM
Baki Ak Belum Terima 1.1.2012	3 000
Baki Ak Belum Terima 31.12.2012	4 000
Penerimaan drp Ak Belum Terima	8 000
Pulangan Jualan	320

Berapakah jualan kredit kedai tersebut?

A RM6 680
B RM7 320
C RM8 680
D RM9 320 Spm13

26. Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

I Menyimpan hanya rekod Ak Belum Terima dan Ak Belum Bayar
II Mencatat di buku tunai sahaja
III Merekod menggunakan system catatan bergu
IV Mencatat di buku catatan pertama dan pindahan ke lejar

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV Spm14

27. Bagaimanakah untung bersih dikira jika peniaga mempunyai rekod tak lengkap?

A Modal akhir + ambilan – modal awal – modal tambahan
B Modal awal – ambilan + modal akhir + modal tambahan
C Modal awal + modal tambahan – modal akhir – ambilan
D Modal akhir – modal awal + modal tambahan – ambilan spm14

28. Cik Mona tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Dis 2013.

		RM
1.1.13	Iklan belum bayar	280
31.12.13	Jum.pembayaran iklan	540
	Iklan belum bayar	160

Berapakah jumlah iklan yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi nagi tahun berakhir 31 Dis 2013?

A RM420 C RM660
B RM540 D RM980 spm14

29. Situasi manakah yang menunjukkan peniaga mempunyai rekod tak lengkap dalam perniagaan?

A Peniaga A merekod ambilan tunai di akaun ambilan sahaja
B Peniaga B merekod bayaran gaji di akaun gaji dan akaun bank
C Peniaga C merekod jualan kredit di Jurnal Jualan dan membuat pemindahan ke lejar
D Peniaga D merekod belian perabot dengan cek ke akaun perabot dan akaun bank
spm15

30. Penyata Untung Rugi berikut digunakan bagi membantu peniaga yang menyimpan rekod perniagaan secara tidak sistematik.

Penyata Untung Rugi bagi...

	RM
Modal akhir	XX
(**P**) Ambilan	XX
	XX
(**Q**) Modal Awal	XX
	XX
(**R**) Modal tambahan	XX
Untung Bersih	XX

Operasi manakah yang mewakili P, Q dan R?

	P	Q	R
A	Tambah	Tolak	Tolak
B	Tolak	Tambah	Tambah
C	Tambah	Tolak	Tambah
D	Tolak	Tambah	Tolak

Spm15

31. Kejadian banjir besar di Bandar Kota Bahru, Kelantan telah menyebabkan sebahagian rekod perakaunan Perniagaan Batik Qaseh musnah.

Apakah kaedah yang digunakan dalam penentuan pendapatan bagi Perniagaan Batik Qaseh?

A Kaedah garis lurus
B Kaedah perbandingan
C Kaedah penilaian semula
D Kaedah baki berkurangan spm16

32. Encik Chong, pemilik Kedai Runcit Keluarga tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaaannya pada 31 Disember 2015.

	RM
Baki Ak Belum Terima 1.1.2015	4 010
Diskaun diterima	170
Pulangan masuk	280
Hutang lapuk	206
Baki Ak Belum Terima 31.12.2012	2 420
Penerimaan drp Ak Belum Terima	6 018

Berapakah jualan kredit kedai tersebut?

A RM8 264
B RM8 094
C RM4 914
D RM4 524 Spm16

33. Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Wari Enterprise.

	RM
Modal 1 Julai 2014	12 000
Modal 30 Jun 2015	21 000

Sepanjang tempoh perakaunan, Encik Wari telah mengambil tunai perniagaan sebanyak RM2 000 dan inventori perniagaan bernilai RM700 untuk kegunaan peribadi. Beliau juga telah memasukkan modal tambahan sebanyak RM5 000.

Berapakah untung bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2015?

A RM6 700 C RM25 300
B RM16 700 D RM35 300 spm16

34. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Balqis, sebuah tidak menyimpan rekod yang lengkap

Penyata mengira modal pada 1.1.2017	RM
P	45 500
Tolak: **Q**	15 500
	30 000

Apakah P dan Q

A Hasil dan belanja
B Aset dan liabiliti
C Modal akhir dan modal awal
D Aset semasa dan liability semasa spm17

35. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan kepunyaan Encik Ramesh yang menyimpan rekod tidak lengkap

	RM
Modal akhir	7 000
Ambilan	6 800
Modal awal	11 000
Modal tambahan	800

Berapakah keuntungan atau kerugian perniagaan tersebut?

A Untung bersih RM2 000
B Untung bersih RM12 000
C Rugi bersih RM2 000
D Rugi bersih RM12 000 Spm18

35. Item manakah yang menambahkan nilai ekuiti pemilik?

A Belanja
B Ambilan
C Rugi bersih
D Modal tambahan Spm18